

31/08/2003

300,000 bersama Perdana Menteri sambut Ambang Merdeka 2003

KUALA LUMPUR: Hujan sejak petang dan berterusan hingga tengah malam tadi, tidak sedikit pun menghalang kira-kira 300,000 orang membanjiri sekitar Dataran Merdeka bagi meraikan sambutan Ambang Merdeka 2003 bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebaik jam di Bangunan Sultan Abdul Samad berdetik tepat 12 tengah malam, Dr Mahathir mendahului laungan "Merdeka" sebanyak tujuh kali, diikuti nyanyian lagu Negaraku yang disampaikan mengikut rentak baru, pertama kali dipersembahkan.

Ia kemudian disusuli nyanyian lagu Jalur Gemilang dan Keranamu Malaysia sebelum diteruskan dengan pertunjukan bunga api kira-kira 10 minit. Seluruh kawasan Dataran Merdeka itu dipenuhi dengan kibaran Jalur Gemilang yang dikibarkan orang ramai. Terdahulu, Dr Mahathir bersama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, tiba di Dataran Merdeka kira-kira jam 10.45 malam untuk menyertai orang ramai yang berhimpun di situ mulai jam 5 petang yang disambut Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Turut hadir, isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Endon Mahmood, Menteri Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman serta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting.

Acara Ambang Merdeka yang bermula sejak petang dimeriahkan dengan pertunjukan berkuda oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Jalan Raja, sebelum disusuli persembahan kesenian pelbagai kaum di Dataran Merdeka.

Program itu turut diserikan dengan persembahan artis tempatan seperti Tan Sri SM Salim, Datuk Sharifah Aini, Aishah, Abot, Zainal Abidin, Raihan, Too Phat dan Orkestra DBKL serta pasangan adik beradik, Cheeky Girl dari Romania.

Seramai 100 pemegang rekod The Malaysian Book Of Records turut diperkenalkan termasuk Datuk Abdul Malik Mydin dan Datuk Jimmy Choo.